

Tambah baik proses lantikan hakim elak persepsi negatif

● Peranan Perdana Menteri memberi nasihat kepada Agong dalam urusan pelantikan hakim bukan perkara baharu kerana ia wujud sejak Perlembagaan dibentuk

● Demi mengetepikan persepsi dan menjamin kebebasan kehakiman, beberapa penambahbaikan ke atas undang-undang dan amalan integriti perlu diusahakan



Oleh Datuk Dr. Shamrahayu A. Aziz
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Undang-Undang, Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Polemik mengenai pengaruh Perdana Menteri dalam proses pelantikan hakim menjadi perbincangan kebelakangan ini susulan bercambahnya pemahaman terhadap reformasi institusi dan kebebasan kehakiman.

Peranan dan kuasa Perdana Menteri dalam pelantikan hakim terdapat pada dua undang-undang, iaitu Perlembagaan dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).

Perkara 122B Perlembagaan menyatakan, Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri dalam pelantikan jawatan utama hakim iaitu Ketua

Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim, Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122C) hakim lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

Perkara 122B ini dimasukkan dalam Perlembagaan melalui pindaan Perlembagaan (A26/1963) berkuat kuasa mulai 16 September 1963.

Kesan kepada frasa 'bertindak atas nasihat' ialah Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Peranan Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dalam urusan pelantikan hakim bukan perkara baharu kerana ia wujud sejak Perlembagaan dibentuk.

Polemik berhubung peranan Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong bermula selepas tersebar klip video 'Lingam' sehingga Inkuiri Suruhanjaya Diraja (RCI) ditubuhkan.

Rentetan itu, pada 2009 kerajaan menggubal Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman atau Akta 695.

Akta 695 menetapkan penubuhan Jawatankuasa Pelantikan Kehakiman (JAC) yang mempunyai fungsi antara lain, menurut Seksyen 21, 'memilih orang berkelayakan, sesuai dan wajar dilantik sebagai hakim mahkamah atasan untuk pertimbangan Perdana Menteri'.

Ini bermaksud, kuasa Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi pelantikan hakim ini dikawal Akta 695. Perdana Menteri tidak boleh memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik sesiapa sahaja yang beliau inginkan.

Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dengan nama disyorkan JAC. Akta 695, melalui Seksyen 27 memberi sedikit ruang kepada Perdana Menteri untuk meminta dua lagi nama daripada suruhanjaya bagi pertimbangan beliau sebelum memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong.

Bagi tujuan memilih calon 'sesuai', JAC hendaklah bertindak menurut peruntukan Akta 695 dan Peraturan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Proses Pemilihan dan Kaedah Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan) 2009.

Sekiranya peranan atau kuasa Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dalam pelantikan hakim ini dimansuhkan, perlu difikirkan apakah proses seterusnya bagi mewu-

judkan mekanisme terbaik untuk menggantikan prosedur sedia ada.

Sebelum ini, terdapat cadangan supaya diwujudkan jawatankuasa bebas terdiri daripada Ahli Parlimen, Majlis Peguam dan badan atau pihak berkaitan untuk memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong.

Cadangan ini mungkin tidak menjadi lebih baik daripada proses sedia ada sekiranya tiada mekanisme semak dan imbang lain.

Terdapat sesetengah pihak mempersoalkan keabsahan JAC kerana Akta 695 mengehadkan kuasa Perdana Menteri untuk memberi nasihat Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 122B dan tiada peruntukan Perlembagaan memberikan kuasa kepada Parlimen menggubal akta berkenaan.

Namun, terdapat kebaikan akta ini kerana ia menjadi mekanisme semak dan imbang ke atas peranan Perdana Menteri dalam memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dalam isu pelantikan hakim kanan atau atasan.

“Peranan dan kuasa Perdana Menteri dalam pelantikan hakim terdapat pada dua undang-undang, iaitu Perlembagaan dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)”

Usahakan penambahbaikan

Walau apa pun, proses atau sistem sedia ada dalam urusan pelantikan hakim ini adalah baik, hanya beberapa perkara perlu diperkemas.

Antara lain, walaupun kuasa Parlimen menggubal akta seperti Akta 695 boleh diperakukan secara tersirat, namun meminda Perlembagaan dengan memasukkan peruntukan khusus mengenai kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang berkenaan pelantikan hakim adalah lebih baik.

Kedua, mengawal kuasa Perdana Menteri dalam urusan pelantikan dan pembatalan pelantikan anggota JAC. Sebelum ini terdapat laporan mengenai cadangan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, supaya pelantikan anggota JAC tidak lagi dibuat Perdana Menteri.

Oleh kerana pelantikan hakim dibuat oleh raja, maka pelantikan anggota JAC juga perlu dilantik raja bagi memastikan suruhanjaya itu boleh mengemukakan nama hakim berintegriti dan berkaliber.

Namun, cadangan ini perlu diambil perhatian dengan

melihat kepada implikasinya ke atas institusi raja dan kerajaan.

Seksyen 5(e) dan (f) Akta JAC menyatakan kuasa Perdana Menteri melantik anggota suruhanjaya itu. Perdana Menteri mempunyai kuasa melantik seorang hakim Mahkamah Persekutuan sebagai anggota suruhanjaya dan melantik empat orang terkemuka.

Bagi pelantikan empat orang terkemuka, Perdana Menteri perlu berunding dengan Majlis Peguam, Persatuan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguam Bela Sarawak, Peguam Negara Persekutuan, Peguam Besar Perkhidmatan Perundangan negeri atau mana-mana badan berkaitan lain dan empat orang terbabit bukan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam.

Dengan adanya peruntukan ini, kuasa Perdana Menteri melantik anggota JAC adalah terkawal kerana ia boleh disemak pihak lain yang dinyatakan. Peruntukan ini adalah baik.

Kuasa Perdana Menteri untuk membatalkan pelantikan anggota JAC juga perlu diteliti semula. Subseksyen 9(1) Akta 695 bermaksud pelantikan empat orang terkemuka mengikut Seksyen 5(1)(f) boleh dibatalkan Perdana Menteri pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab.

Peruntukan ini tidak memberikan jaminan jawatan kepada anggota JAC, ini membuka ruang kepada persepsi masyarakat Perdana Menteri mengawal suruhanjaya.

Jaminan jawatan atau perlindungan perkhidmatan anggota JAC adalah perkara paling utama supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan bebas.

Bagi menjamin kebebasan JAC, elemen semak dan imbang ke atas kuasa Perdana Menteri adalah penting demi menjaga kredibiliti Perdana Menteri dan JAC. Ia sekali gus menolak persepsi salah guna kuasa Perdana Menteri.

Secara umum, dapat dirumuskan negara mempunyai sistem dan undang-undang agak baik dalam pelantikan hakim. Namun, demi mengetepikan persepsi dan menjamin kebebasan kehakiman, beberapa penambahbaikan ke atas undang-undang dan amalan integriti perlu diusahakan.

